

27/12/2003

Lebih 30,000 kunjungan Galeria Sri Perdana sejak dibuka

KUALA LUMPUR: Sejak Galeria Sri Perdana dibuka untuk kunjungan orang ramai, Sabtu lalu, hampir 30,000 pengunjung datang untuk melihat sendiri kediaman bekas Perdana Menteri.

Tinjauan Berita Harian ke galeri itu mendapati, hampir 4,000 pelawat datang setiap hari sebagai tanda sokongan dan penghargaan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad, yang banyak menabur jasa kepada pembangunan rakyat dan negara.

Juruteknik di galeri itu, Shamsudin Baba, berkata sejak dibuka kepada orang ramai, sambutan yang diterima amat menggalakkan.

"Sehingga hari ini orang ramai dari seluruh negara tidak putus-putus datang berkunjung ke sini. Lebih-lebih lagi sekarang ini masih cuti sekolah.

"Ini amat membanggakan pihak pengurusan kerana rakyat memberi sokongan kepada usaha kita dalam mengekalkan sejarah negara," katanya ketika ditemui, di sini semalam.

Bagaimanapun, katanya, jumlah pelawat yang datang sebenarnya mungkin lebih daripada angka yang dilaporkan kerana anggaran itu hanya berpandukan buku lawatan yang ditandatangani pelawat.

"Hari ini saja, kita menerima rombongan enam buah bas dari Melaka, dua dari Johor dan tiga dari Kedah.

"Kadang-kadang apabila sudah beratur panjang mereka ambil keputusan untuk tidak tandatangan buku lawatan. Jadi jumlah sebenar mungkin lebih daripada yang dianggarkan," katanya.

Sementara itu, Nizamuddin Maideen, 45, dari Nilai, Negeri Sembilan berkata, beliau sengaja mengambil cuti untuk melawat galeri bersejarah itu bersama isteri dan empat orang anaknya.

"Kami sekeluarga memang menunggu untuk melawat galeri ini dan nampaknya hari ini baru berpeluang datang.

"Kami sekeluarga amat berbangga dan berterima kasih dengan jasa dan pengorbanan Dr Mahathir dan kami amat terharu kerana dapat masuk serta melihat sendiri kediaman dan koleksi beliau.

"Bukan senang untuk berkorban meninggalkan koleksi kesayangan begitu saja, tetapi beliau tidak kisah berbuat begitu untuk tatapan rakyat. Kami amat berbangga dengan beliau," katanya penuh bersemangat.

Bagi seorang Pereka Grafik, Lim Kee Siong, 35, beliau mengunjungi galeri itu untuk mendapatkan pengetahuan sambil mengisi masa cutinya.

Siong yang datang bersama isteri dan ibunya berkata, lawatan ke kediaman bekas Perdana Menteri itu membuatnya berfikir mengenai aktiviti seharian Dr Mahathir dan keluarganya.

"Di dalam rumah itu ada tempat mesyuarat, jadi saya terfikir, di rumah juga beliau bekerja dan apakah aktiviti cucunya yang tinggal di situ.

"Saya juga gembira dapat datang ke sini dan saya anggap ini sebagai tanda penghargaan kepada beliau," katanya.

Laili Yunos, 46, seorang suri rumah dari Kajang yang datang bersama keluarganya berkata, beliau menyokong usaha mengekalkan sejarah negara seperti itu dan ia harus diteruskan.

Katanya, selain dapat memberi pengetahuan, kunjungan itu juga adalah sebagai tanda ingatan dan penghargaan kepada Dr Mahathir, yang tidak ternilai jasa dan pengorbanannya.

"Sebelum ini, kita tidak tahu bagaimana keadaan dan cara hidup beliau. Usaha seperti ini penting, terutama kepada generasi muda bagi memastikan mereka tidak terlepas daripada menyaksikan sejarah penting negara," katanya.